



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	17 JULY 2017

Ketepi dendam demi kesepakatan: Mat Sabu

Sinar Harian - 17/7/2017 Pg. 6

KLANG - Pimpinan Pakatan Harapan (Harapan) menolak dendam lama terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad demi mencapai kesepakatan.

Presiden Amanah, Mohamad Sabu berkata, walaupun timbul pelbagai isu melibatkan Ketua Umum dan Pengerusi Harapan, kerjasama antara kedua-dua mereka adalah demi kepentingan rakyat.


"Semua pernah ada isu dengan Tun Mahathir, saya sendiri pun ada isu dengan beliau. Dua kali ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semasa Tun Mahathir jadi perdana menteri.

"Tapi kita nak berdendam pun adakah itu lebih penting daripada nak tukar pemerintah yang begitu teruk dan sakit sekarang ini? Kita perlu ketepikan dendam.

"Bagi kita, yang penting sekarang ini gabungan Pakatan Harapan mahu menukar pemerintah. Itu lebih penting berbanding mahu mempersoalkan isu-isu dan dendam lama dengan Tun Mahathir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka Eidul Fitri 1438H Parti Amanah Negara Parlimen Kota Raja, semalam.

Mengulas lanjut tentang perkara itu, be-



MOHAMAD SABU

liau menjelaskan apa yang penting ialah menjatuhkan pemerintah sekarang yang begitu pincang khususnya berkaitan dasar dalam negeri serta luar negara.

"Kita manusia tetap ada perasaan tapi kita lebih pentingkan masa depan anak cucu kita, malah mengikut perangkaan sekarang ini majoriti rakyat ialah kaum Melayu, kemudian kaum Cina, yang ketiga bukan lagi India tetapi pendatang.

"Soalnya, menyelesaikan masalah pengurusan pemerintah sekarang ini dalam hal pengurusan masyarakat dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, mengulas berkaitan pembahagian kerusi menjelang PRU14 akan datang katanya, Pakatan Harapan akan menentukan pembahagian kerusi antara komponen parti dalam masa terdekat.

"Kalau boleh kita nak bertanding 222 kerusi, tapi Pakatan Harapan ada empat parti komponen. Jadi kita akan bincang pembahagian kerusi.

"Siapa pun yang jadi calon, semua komponen parti lain akan menyokong. Kita tak kisah sekarang ini pertembungan tiga atau empat penjuror pun, Pakatan Harapan adalah satu lambang," katanya.